

**POLITIK MALAYSIA**  
**Chede.co.cc**  
**May 25, 2012**  
**By Tun Dr. Mahathir Mohamad**

1. Kita sudah merdeka selama 55 tahun dan telah mengadakan 12 Pilihan Raya Umum. Walaupun parti-parti bukan dari Perikatan atau Barisan Nasional telah berjaya menawan dan mendirikan Kerajaan di beberapa negeri di Semenanjung dan di Sabah, tetapi Perikatan dan Barisan Nasional tidak pernah kalah di peringkat Pusat. Perikatan dan Barisan Nasional terus menjadi Kerajaan di peringkat Pusat, peringkat yang paling berkuasa di Malaysia.
2. Memang pada 1969 Perikatan hampir kalah tetapi kuasa kekal di tangan Perikatan dan akhirnya beberapa parti lawan telah menyertai Perikatan untuk menubuh Barisan Nasional yang terus memerintah.
3. Barisan Nasional menghadapi beberapa masalah dalaman tetapi berjaya mengatasinya dan mengekalkan kuasanya di Peringkat Pusat. Serpihan dari UMNO yang diusahakan oleh Tengku Razaleigh dan Anwar Ibrahim tidak berjaya mengalahkan Barisan Nasional.
4. Pada 2008 kebencian terhadap pemerintahan Abdullah menyebabkan ramai dari penyokong UMNO dan parti-parti komponen lain mengurangkan sokongan kepada Barisan Nasional sehingga lima buah negeri dapat ditawan oleh parti-parti bukan Barisan Nasional. Di peringkat Pusat majoriti Barisan Nasional menurun sehingga tidak dapat menguasai 2/3 dari kerusi Parlimen. Namun Barisan Nasional masih dapat mendirikan Kerajaan di peringkat Pusat.
5. Kemenangan yang berturut-turut sejak merdeka melumpuhkan semangat parti-parti bukan Barisan Nasional. Percubaan oleh Anwar Ibrahim untuk menyeludup masuk ke dalam UMNO supaya dapat merebut kuasa dari dalam juga gagal.
6. Yang terpaksa diakui oleh semua pihak, semua rakyat Malaysia dan juga pemerhati asing ialah sehingga kini proses pilihanraya tidak dapat menjatuhkan Barisan Nasional. Majoriti rakyat Malaysia tetap memberi kemenangan kepada Barisan Nasional. Kenapa tidak. Semua terpaksa terima hakikat bahawa Kerajaan-Kerajaan Barisan Nasional telah membawa banyak kemajuan dan nikmat lain kepada rakyat. Barisan Nasional berjaya membawa keamanan dan kesejahteraan kepada Negara Malaysia. Tiap seorang dari rakyat Malaysia dapat mengecapi kehidupan yang lebih mewah dan lebih bahagia di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Segala percubaan oleh parti-parti lawan untuk mengurangkan sokongan dan persepsi baik terhadap Barisan Nasional dan pemerintah yang didirikan olehnya tidak berjaya.
7. Memandang kepada sejarah Malaysia merdeka dan keputusan-keputusan pilihanraya, parti lawan tentu kurang yakin mereka akan menang PRU 13 dan mendirikan Kerajaan Pusat. Cara demokrasi tidak boleh menjayakan mereka. Melihat penggulingan Kerajaan di Negara-negara Arab, tentulah terlintas di hati pemimpin-pemimpin parti lawan bahawa cara-cara demonstrasi ganas dan berpanjangan lebih mungkin memberi kejayaan kepada cita-cita mereka.
8. Tetapi mereka perlu menunjuk kepada rakyat, dan lebih utama kepada dunia luar bahawa Kerajaan Barisan Nasional di Malaysia adalah zalim dan menindas rakyat seperti Kerajaan-Kerajaan kuku besi Negara Arab.
9. Maka diciptalah Bersih. Kononnya pilihanraya di Malaysia ditipu oleh Kerajaan Pusat,

walaupun bukti bahawa di Malaysia parti lawan boleh menang dan telah menang berkali-kali jika rakyat menyokong mereka dan sebaliknya di Negara Arab bukan sahaja Kerajaan yang digulingkan tidak pernah kalah tetapi pilihanraya memberi kemenangan 99% kepada pemerintah, masih juga didakwa Pilihan Raya Umum ditipu oleh Kerajaan Malaysia.

10. Kerajaan bertindak untuk menelusuri lagi proses pilihanraya mengikut kehendak parti lawan. Tetapi masih juga dituduh yang Kerajaan menipu.

11. Banyaklah lagi tuduhan kezaliman dan kemungkaran yang dilempar kepada Kerajaan semata-mata untuk memburukkan imej Kerajaan.

12. Tunjuk-tunjuk perasaan Bersih yang besar dan ganas adalah persediaan untuk menolak keputusan PRU 13 jika parti lawan gagal memenanginya. Kekalahan mereka akan dituruti dengan demonstrasi ganas yang tidak berhenti-henti supaya keputusan pilihanraya ditolak dan satu Kerajaan lain didirikan, yang ditunjuk oleh parti lawan. Kemudian mereka akan berusaha untuk mengadakan pilihanraya sekali lagi yang boleh dimanipulasi oleh mereka.

13. Sudah tentu sebelum Kerajaan pilihan rakyat digulingkan, negara akan diserang bertubi-tubi dengan demo ganas dan huru-hara. Perancangan dan perusahaan akan diganggu mungkin dengan mogok di sana sini anjuran parti lawan.

14. Kestabilan negara akan terganggu. Polis dituduh melakukan keganasan supaya mereka tidak dapat kawal huru-hara dan demo dengan cara berkesan.

15. Kuasa-kuasa asing akan mengancam Kerajaan pilihan rakyat kerana kononnya mengguna kekerasan menghalang kebebasan bersuara dan berdemo. Malaysia akan dicap sebagai Police State.

16. Malaysia yang telah memberi banyak nikmat dan kebahagiaan kepada rakyatnya, yang telah diiktiraf sebagai Negara yang termaju di antara negara membangun, Malaysia yang bangun dengan pesatnya akan bertukar menjadi negara yang tidak lagi stabil dan maju, dan tidak lagi memberi kebahagiaan dan rahmat kepada rakyatnya. Mereka tidak percaya dengan demokrasi maka akan hilanglah hak rakyat untuk memilih Kerajaan.

17. Negara ini akan menjadi miskin dan Wawasan 2020 tidak akan menjadi kenyataan. Inilah yang akan berlaku kerana parti bukan Barisan Nasional kecewa tidak dapat ke Putrajaya. Jika dengan cara ganas mereka, mereka berjaya merebut kuasa, percayalah demokrasi akan dihapuskan dan nasib yang buruk akan menimpa Negara tercinta ini.

## 69 Comments

#

MiddleAges

June 2, 2012 at 8:44 pm | Permalink

Salam Tun,

1. For a Malay to progress, the Malay mind must lead their life. For the mind to lead, it needs to be free first. For it to be free, it must escape the clutches of human made laws and rules, passed down as divine.

2. Non Malays are not going to wait for the Malays to progress, and i do not blame them. Neither would i

as a Malaysian. There is a time and capacity limit to the help we can render.

5. DS Najib once called for soul searching. It is the right call. But no one will even think about soul searching if the struggle is for material wealth. And the government persist in dishing out billions and mega projects, yet telling us to go soul searching. Plenty good that will do.

6. If BN wins, it will be gold searching, not soul searching. The greed will grow beyond imagination. Past sins becomes celebrated success.

7. If PR wins, there will be plenty of adjustments on both sides, hence instability. But there is already a precedence, a track record, especially for Selangor case. So the turbulance is manageable.

8. As i said, i prefer PR, but i can live with any government. What i cannot live with is the continued hatred and greed being forced onto me, labelled as Islam or as “Kerana Bangsa”, because that is implied as Bangsa Melayu, and i am Bangsa Malaysia.

9. Medical Science provides me a means of building a life, by quarantining myself. In engineering this is called isolation, same thing. I can protect myself against the Malay dilemma, does not matter old or new dilemma. I have religious knowledge, Islam, Christianity, with a bit of Bhuddism, Taoism and so can and will use it to benefit my own life, and help those around me, my “neighbours”.

10. Religion is failed Science, says one Atheist. Perhaps so, but what can replace it ? And if there is nothing to replace it, that’s like removing the support structure of a sky rise. The result is disasterous. So i think religion should be used as temporary scaffolding, but should ultimately and soon, be replaced by real Science. That is the only hope for mankind. That is the only way Malays can succeed.

11. Economy does not solve our problems, it does not make us advance, although i agree it is very helpful. You are right Tun, to progress one needs to hold on to “nilai2 murni” or good values. Those who study Islam knows very few in “heaven” are rich people. It does not mean we should remain poor, it means we should be wise and charitable. In the words of late Steve jobs, “stay hungry”.

12. My chinese friends ask when can they become bumiputras. I did not respond then, i will now. They are already bumiputras, as far as i am concerned, as they are born here, hence a Malaysian like me. My Malay friends lag behind their Chinese and even Indian Malaysians. I think Tun and everyone else knows and understands why. If they ask for help and advise, i will give it free. If they ask for money i will point them to UMNO, and not waste my time anymore.

13. Whatever it is i thank D.S. Najibs adminstration for such a good job, my not supporting BN has nothing to do with performance, nothing personal too, it has to do with belief and understanding of what it takes to make a Malaysian. I feel the BN formula can deliver a good economy, but not a good society. And I stand by my opinion.

14. It is both a pleasure and very rewarding experience to read Tun’s “Blogging to Unblock”.

Thank You Tun

#

mubarakchan's Gravatar mubarakchan

June 2, 2012 at 4:42 pm | Permalink

Tun

As we march step by step towards the arbiter of who should rule our beloved country, the 13th General Elections, we find that the Malaysian Chinese are at odds over what is good and best for them.

Why ?

Because of the years of good living as provided by the successful 22 years of your Administration and the lack of leadership, explanation and information as provided by the MCA through the years to the young Malaysian Chinese the wherewithal of their existence. And a sudden gap of 9 years from 2003 which left the country in a political limbo and an apparent failure of the MCA leadership during this time.

Now, they are all in a hurry to put the cake together.

Will it work this time around under the glare of the universal multi-media with all its expose' – the latest phenomom of the present Malaysian political scenario now compounded by moves which are deliberately highlighted on the TV for added effect ?

Why are the Malaysian Chinese at odds with the peaceful and stable environment of the fathers and forefathers in a country which treats them the best of all, better than in Singapore, Hong Kong, Taiwan, China and the rest of the World ?

It is because of the lack of political leadership which cannot now be ignored !

There are 2 types of Malaysian Chinese in this country.

1) The English speaking type who has now and then appeared on your Blog talking gibberish and characteristically argumentative

2) The Mandarin speaking type who has an introverted complex just because they speak the Mandarin language and actually, they know only the rudimentary bits about things Chinese. (A person who can command 1000 Chinese characters can only read the Sin Chew Jit Poh. A university graduate should do 3,000 – 4,000 characters. There are 10,000 Chinese characters to remember. Many had already lost their meaning.)

Both types have no Chinese spiritual or cultural ballast to view things in their own best interests unlike their fathers and forefathers. They have lost their roots. Most of them do not even know their origins per se and in depth. At the slightest sound of the gong, they would run to Petaling Jaya or to OZ.

Both have lowered levels of achievement in terms of propriety, ethics and standards.

This is the result of the MCA doing their own exclusive thing and the majority of the Malaysian Chinese doing their own thing.

How many of my fellow Malaysians realise that there are more different types of Chinese in Malaysia with the exception of only China ?

You name them. Malaysia will have them. The Teochews, Foochows, Hokkiens, Hainanese, Hakka, Shanghainese, Cantonese, Kwangsi, nonyas and babas etc etc.

A mix crew who are only interested in hard-work, frugality and peace and stability.

But each clan is entirely different from the other in behavioural and cultural characteristics which are

further divided into sub-clans and families. It was the British who understood them and trained their young cadres in Canton, Swatow and Amoy for 6 months. And later appointed them as Protectors of the Chinese, a sort of euphemism in the colonial vocabulary which were actually part of the Police Special Branch.

But are the Malaysian Chinese being what they are realise the paramount importance of the role they can play with their votes in the next General Elections for the good or the bad ?

When there is no guarantee what will happen ?

Massive amounts of money moving massive numbers of people to protest what had been laid down in the agenda to attain power at all costs and to unsaddle the incumbent Government in Putrajaya – for the nightly TV show around the globe!

Do the Malaysian Chinese realize that they are probably the first in the world to take part in street demonstrations to de-stabilize themselves and all they have worked for -their very own peace and stability and prosperity which have been with us for decades if not centuries due to the age-old practice of humanity and multi-culturalism by the Royal Sultans of yore and successive Governments?

Rowdy scenes in the streets are now created like the hartal demonstrations of pre-Independence India in Malaysia which has had a long period of independence, and peace and stability and prosperity !

With the realization that politics in Malaysia is a jolly good business or profession for the already very rich Opposition leaders, each Malaysian Chinese should look at himself or herself in the mirror and ask what is best for themselves.

What is the Malaysian way which even the Opposition leadership has stated very clearly today ?

Why worship false icons who have proven to have legs of clay at the end of the day ?

Vide Channelasianews November 2008 Lee Kuan Yew, all Singaporean Blogs January 2009-2011, London Financial Times. Gillian Tett 'Singapore's Harvard Model' April 2010. Channelasianews 2012. News excerpts on immigration and defense.

What is a better alternative than the BN ? Even though we know who the Opposition's Prime Minister will be, will it make any difference to the long administration of the BN ?

I dare say after a close study of all these prominent personalities with their fables and foibles since October 1951, I could only vouch for the BN who has proven to safeguard the interests of the Malaysian Chinese even with the latter's poor political leadership.

All Malaysian Chinese should vote for the BN to continue our beloved country's peace and stability and prosperity.

There are no two ways about this.

#

Mis\_bah's Gravatar Mis\_bah

June 2, 2012 at 2:38 pm | Permalink

Assalamu Alaikum Tun,

Lalok le, betullah Islam tak violent..patut hang dan kunci2 hang tolong nasihat rakan hang supaya tak pi

rosakan harta benda orang awam dekat dataran merdeka. atau hang sendiri joint sekali pukul polis? terajang orang tak bersalah sambil bertakbir, apa benda tu..sekarang siapa hina Islam? hanglah..

#

ROZALI BIN AYED's Gravatar ROZALI BIN AYED

June 2, 2012 at 1:58 pm | Permalink

Assalamualaikum w.b.t. dan salam hormat Yg Bhg Tun,

Menjelang PRU 13, kelihatan jelas di mata umum bahawa Pakatan Rakyat (DAP, Pas & PKR) sudah kekeangan isu bagi mempengaruhi untuk mendapatkan sokongan berterusan dan tambahan demi mencapai cita-cita mereka menawan Putrajaya. Kerajaan di bawah urus tadbir Barisan Nasional yang diterajui oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah dan sedang giat membuat beberapa perubahan melalui beberapa transformasi demi kepentingan rakyat dan negara Malaysia. Semua program transformasi yang digembeling oleh kerajaan Barisan Nasional telah dengan jelas berjaya membuahkan hasil yang memberikan banyak manfaat kepada rakyat dan kebaikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

2. Apa lagi isu yang boleh dimainkan oleh Pakatan Rakyat yang berhubungkait rapat dengan kepentingan rakyat dan negara Malaysia? Jawapannya mudah saja, iaitu tiada isu relevan yang boleh dibangkitkan oleh Pakatan Rakyat untuk meraih simpati dan sokongan rakyat kerana hampir semua kepentingan rakyat dan negara Malaysia sudah dan sedang ditangani dengan baik dan berkesan oleh kerajaan Barisan Nasional. Hakikatnya kerajaan Barisan Nasional secara konsisten telah berjaya semenjak memegang tampuk pemerintahan negara Malaysia (semenjak Merdeka 55 tahun yang lalu) melakukan berbagai polisi dan program pembangunan yang menjurus kepada kepentingan rakyat dan negara Malaysia. Realitinya tiada sesiapa pun rakyat Malaysia boleh menafikan kejayaan kerajaan Perikatan (terdahulu) dan Barisan Nasional (terkini) telah beroleh kejayaan yang amat gemilang, cemerlang dan terbilang dalam sektor pembangunan untuk rakyat dan negara Malaysia. Bukti nyata terbentang di depan mata setiap rakyat Malaysia. Malaysia berjaya dibangunkan dalam suasana yang kondusif, rakyatnya yang berbilang kaum dapat hidup dalam aman dan damai.

3. Oleh kerana tiada isu yang relevan, maka Pakatan Rakyat terpaksa bertungkus lumus mewujudkan isu-isu sensitif yang boleh menyentuh hati rakyat menjelang Pilihanraya Umum ke 13. Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), UMNO dan Barisan Nasional dijadikan sasaran utama Pakatan Rakyat. Kredibiliti SPR dipertikaikan dalam mengendalikan Pilihanraya (Kecil & UMUM) yang dikatakan tidak telus dan perlu dibersihkan. Maka ekoran dari itu dibangkitkan isu "Bersih" dan untuk merealisasikan maka wujudlah demonstrasi "Bersih 1, 2 & 3, sehingga merebak ke tanah suci Makkah dan Madinah pada 26 April 2012. Parlimen menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dianggotai Ahli Parlimen BN dan PKR bagi mencari suatu kaedah yang baik dan berkesan untuk membaik pulih sebarang kelemahan (jika ada) dalam urusan pilihanraya yang dikendalikan oleh SPR. Hampir seratus peratus cadangan dari pihak pembangkang (PKR) diambil kira demi usaha pembaikan urusan pilihanraya di Malaysia, namun pakatan pembangkang masih lagi tidak berpuas hati dan meneruskan usaha mereka melalui beberapa demonstrasi jalanan yang jelas memudaratkan urusan awam (peniaga dan sebagainya), mencetuskan huru-hara yang menjejaskan keselamatan awam, dan menjejaskan imej baik negara Malaysia. Melalui tindakan demonstrasi jalanan yang bercorak keganasan pihak pembangkang menharapkan suasana negara Malaysia akan menjadi tidak stabil, imej kerajaan Barisan Nasional akan menjadi buruk di mata rakyat dan dunia amnya, dan akan melemahkan kerajaan Barisan Nasional (kerana dibebani dengan berbagai masalah oleh keganasan jalan yang berterusan), dan melunturkan sokongan majoriti rakyat terhadap kepimpinan kerajaan Barisan Nasional.

4. Selain demonstrasi jalanan pakatan pembangkang dilihat menggunakan kaedah mencaci cela dan menfitnah kepimpinan UMNO & BN melalui ceramah-ceramah politik dan media baru secara semborono

(tiada bukti asas yang kukuh) semata-mata ingin merendahkan kredibiliti kepimpinan UMNO & BN. Hampir semua program transformasi kerajaan Barisan Nasional untuk rakyat dan negara Malaysia tidak diterima oleh pakatan rakyat (dinafikan kebaikannya untuk rakyat dan negara Malaysia) dan semua dikaitkan dengan tidak ada ketelusan (kepimpinan UMNO & BN korup dan tidak ada integriti). Pakatan rakyat cuba mengaburi mata rakyat terhadap kebaikan program transformasi kerajaan Barisan nasional di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Pakatan Rakyat tiada sebarang value/nilai dalam berpolitik, sifat politik mereka hanya untuk meruntuhkan, bukan menjadi check & balance yang berkesan.

5. Menyedari kemungkinan besar pakatan rakyat tidak akan berjaya menguasai Putrajaya melalui ruang demokrasi (pilihanraya) yang diamalkan dengan jayanya selama ini dan seperti yang Tun nyatakan, maka mereka menggunakan kaedah "Demonstrasi Jalanan" untuk mencipta kemenangan dan menumbangkan UMNO & BN. Insyaallah, dengan langkah-langkah yang betul oleh UMNO yang menjadi tunjang kerajaan Barisan Nasional, Allah s.w.t. tidak akan mengizinkan kejayaan oleh pakatan pembangkang melalui cara-cara yang tidak demokratik dan keterlaluan cara. Sama-samalah kita renung dan fikirkan.

Sekian, terima kasih dan wassalam.

#

mahadhir mohamad's Gravatar mahadhir mohamad  
June 1, 2012 at 5:57 pm | Permalink

Parti Pas lebih relevan dan sesuai utk orang melayu amnya, penganut Islam khususnya. Jika Parti Pas menang lebih byk kerusi maka suara melayu dan islam akan lebih menyerlah seantero dunia.

#

Simple Mind's Gravatar Simple Mind  
June 1, 2012 at 12:49 pm | Permalink

Asal'kum Tun,

Deciding which party to elect is like investing in a company. As TH Tan (an entrepreneur) wrote in The Sunday Star says is deciding which company to invest in.

Do you invest in a company with a little management short comings Or are you going to invest in an IPO with no track record with leaders who are unsure where they are going?

The people must choose with a clear mind and not be clouded by aspiration of a ex-minister (who has only a half bake knowledge of running a country) who's aim is to sit there (like a puppet) and lead the country to NOWHERE. We agree that the BN is not perfect. What is important is "are there steps taken to rectify the problem?" If it is so then the leaders are doing the right thing. It is very crucial for the leader to display traits that are worthy, trusted, integrity, etc. that is able to lead the country in times of down trends.

It is not enough for a leader to point out all the bad things that another person (leader) does (which is easy) but to be able put the country forward. This, I think, BN has.

#

idea's Gravatar idea  
June 1, 2012 at 9:47 am | Permalink

lalok ler, jgn malukan orang Islam lain dengan bahasa awak itu. Other races and religion are reading this post and you are not representing Islam well. Everyone has their own opinion but not through rudeness. Islam is not a rude religion and violent. Allahuakbar...!

#

Bubbles's Gravatar Bubbles  
June 1, 2012 at 9:37 am | Permalink

Salam Tun,  
Izinkan saya,

Pada Lalok Ler dan yang sama otak dengannya,

Kamu kutuk orang, buat fitnah kemudian kamu takbir.

Kamu yang patut bertaubat!! kerana telah mencemari nama Allah, Tuhan yang Maha Agung dan Maha Suci dengan mulut kotor kamu. Jangan sampai laknat Allah jatuh pada kamu.

Ajal tidak mengira usia. Mungkin kamu yang mati dulu sebelum Tun. Apa persiapan kamu? Periksa diri sendiri sebelum periksa orang lain.

Walaupun kami tidak setuju dengan semua pendapat Tun dan rasa hampa kerana Tun biarkan golongan yang sudah terlebih pandai menggunakan blog Tun untuk menyebarkan fahaman mereka tapi kita harus akui akan sumbangan Tun yang tidak terkirakan banyaknya terhadap pembangunan ummah bukan saja dinegara ini tapi juga dinegara negara miskin diseluruh dunia termasuk Bosnia. Sumbangan yang cukup besar yang tidak ada siapa yang boleh nafikan.

Rasanya tidak keterlaluan kalau kami katakan perasaan cinta yang ada didalam hati Tun pada bangsa dan saudara saudara Islam kita, tidak ada pada mana mana pemimpin Islam lain termasuk tok guru tok guru dalam PAS. Apakah hanya dengan berserban dan bertakbir pada tiap ucapan mereka, mereka ini lebih Islam dari orang lain!!

#

cherry's Gravatar cherry

May 30, 2012 at 1:54 pm | Permalink

lalok ler....

Hang ugama sesat kan? Hang maki Tun M lepas tu hang kata "Allahuakbar" pulak.....Mana boleh orang Islam kata macam tu.....hang mesti orang PAS ....Parti Agama Sesat....Hang kena taubat.....Nik Aziz nak kawan dengan UMNO tapi ada syarat.....tu la buang tabiat namanya....kalau nak sembang atau muzakarah maka tak payah la syarat cuma beri salam saja la...tapi dia yang mula nak muzakarah tapi tunjuk lagak pulak.....ini bukan sifat orang Islam...sesat tak sedar diri.

#

bumi malaya's Gravatar bumi malaya

May 30, 2012 at 1:23 pm | Permalink

Assalamualikum Tun,

Hidup UMNO

Hidup MELAYU

#

mubarakchan's Gravatar mubarakchan

May 30, 2012 at 1:15 pm | Permalink

Tun

I have elaborated on the unknown motives of the detractors of the BN in so many words and sought the understanding of the Malaysian Chinese to think and understand their past, present and future position in our beloved Malaysia.

It is paramount that the Malaysian Chinese, hopefully, will understand that the whole fracas boils down to only power and money. These desires of humankind are as old as the hills.

The Malaysian Chinese should ask

- 1) Why the opposition multi-millionaires who are already rich beyond most people's dreams, want to be elected into positions of power in Putrajaya through a hastily put-together coalition of disparate political parties. Why ?
- 2) Is there any guarantee that these Opposition multi-millionaires with no record of duties and responsibilities in the corridors of power in Putrajaya might decide to do something which is out of this world and against the interests of the Malaysian Chinese ?
- 3) The present attacks on the incumbents are entirely based on administrative scandals concerning money which arose out of a moment of weakness, we have not seen any wisp of action that the 3 disparate opposition parties can work together even though there is a lot of talking. Please explain ?
- 4) The BN has floundered on money matters but not on policy matters, how are the Opposition parties which claim to win, going to announce the policy of their Government before the next General Elections ? And their Ministers ?
- 5) And what the Opposition Government has in store for the Malaysian Chinese which is guaranteed ?
- 6) And how did the Opposition politicians become multi-millionaires ?
- 7) We have seen time and time again that people changed completely when in positions of power and money. How can we be sure that we pay what we get ?

If no answers are forthcoming, then it is better for the Malaysian Chinese to vote for BN, someone you know for a long time, rather than for someone who has become very rich recently and wants power to rule us.

Please note in most countries, very rich people are seldom elected into offices of power to rule.

Malaysian Chinese vote for the BN which we know for a long time !

#

Ghazali Salali's Gravatar Ghazali Salali  
May 30, 2012 at 11:20 am | Permalink

Salam Tuan lalok ler,

Terlebih dahulu adalah diucapkan terima kasih pada tuan kerana memberi komen yang Fitnah terhadap Tun M – Saya harap tuan bertaubat – kerna fitnah itu sendiri amat dasyat impaknya pada diri, generasi anak cucu cicit kita. Kerna fitnahlah orang-orang Melayu sekarang di Malaysia berpecah belah. Bertaubat ertinya jangan sekali-kali mengulangi perbuatan yang terkutuk ini bukan sekadar membaca mentera sepanjang waktu – Dan berhidmatlah pada Allah bukan “Sembah Allah”.

Yang saya tahu dan faham sebagai hamba Allah, kita adalah Tuhan suruh berkhidmat padaNya bukan menyembahnya – dengan berbuat seberapa banyak kebaikan, komitmen, kewajipan, tanggungjawab kerna Allah untuk kebaikan manusia itu sendiri selagi kita diberi kehidupan oleh Maha Pencipta. Manusia yang diberi hidayahNya adalah mereka yang diilhamkan kebijaksanaan dan banyak ‘common sense’ untuk

menjana kesejahteraan, keamanan, kedamaian dan kemajuan manusia sejagat.

Tun M tak perlu berubah seperti permintaan tuan – Tun M sudahpun dan sedang menegakkan komitmennya, tanggungjawabnya dan kewajipannya kerna Allah untuk kebaikan, kesejahteraan dan kedamaian Negara Malaysia yang cinta ini. Tuan pula bagaimana? Saya bimbang sebenarnya tuan sedang menegakkan seruan thaghut – Tuan berhati-hatilah dengan perangkap thaghut ini. Tuan benci manusia itu hal tuan dengan Tuhan – tuanlah yang bertanggungjawab. Sekain terima kasih – Fikir-fikirkan.....

#

junechang's Gravatar junechang  
May 30, 2012 at 12:10 am | Permalink

hi,

yes, i admit what tun said BN menang in pilihan raya for 50++ years. “BN membawa banyak kemajuan dan keamanan dan kesejahteraan kepada Negara Malaysia.” But raykat also give our support to BN almost 50++ years. thats fair and equal.

Compare the “kemajuan” with other countries which developed at the same time, “kemajuan” Malaysia still consider moderate only. In different moment, government should use different ways to manage a country, am i right?

My opinion- for TUN’s moment, Malaysia developed very fast so tun did the right decision to focus in diff industries.. these all effect cause Malaysia “muncul di dunia” and increase our income. But tun missed out something..

After Tun, ekonomy consider stable in malaysia- The best time we should do the 2nd part-management. These can be internal management (party & parliment & rules and regularation & government department) and external management (area/people life development, industries motivation, improve education & job opp). At the same time, keep our connection with outsiders (Jepun, Korea, china etc). But within these 10 years .....

The actual purpose of Bersih 3.0 is good and clear, just a group ppl always “likes” to misunderstand Bersih 3.0.

\*\*\*4. Kestabilan negara akan terganggu. Polis dituduh melakukan keganasan supaya mereka tidak dapat kawal huru-hara dan demo dengan cara berkesan.

15. Kuasa-kuasa asing akan mengancam Kerajaan pilihan rakyat kerana kononnya mengguna kekerasan menghalang kebebasan bersuara dan berdemo. Malaysia akan dicap sebagai Police State.\*\*\*

Rakyat malaysia, please understand \*\*\* the above and make your own judgement.

thanks

#

Botak's Gravatar Botak  
May 30, 2012 at 12:04 am | Permalink

JOASHE

BERSIH DEMO IS OBVIOUSLY TO OVER THROW THE GOVT  
TO CREATE BAD IMAGES AND ITS ILLEGAL EVEN IF THEY SUCCEED

YOUR SAYING bersih was merely for the asking of the government of the day to stop manipulating the polls  
THEY CAN DO THAT BY GOING THROUGH THE ELECTORAL AUTHORITY  
ONE DO NOT HAVE TO CALL FOR A DEMO

AS YOU CAN SEE SINGAPORE IS THE ONLY NATIONS IN THE WORLD THAT IS HAVING  
GRC STLYE OF VOTING  
THESE TECHNIQUE DOES HAVE AN IMPACT OF THE OPPOSITONS PROBABILTY TO WIN  
IT,S MANIPULATING THE VOTE ALSO  
YET THEY DON,T DEMO

JUST TO ASK THE GOV'T TO STOP MANIPULATING THE VOTE  
DO YOU NEED A DEMO ?  
WE HAVE THE ELECTORATE AUTHORITY TO SUBMIT  
ITS, OPEN TO PUBLIC

#

sentinel5's Gravatar sentinel5  
May 29, 2012 at 11:07 pm | Permalink

Tun,

Izinkan saya menjawab lalok ler pada 29 Mei 2012.

Saudara, malulah sikit kepada masyarakat bukan Melayu dan bukan Islam yang lain kalau beginilah cara saudara berfikir.

Saudara beranggapan seperti saudaralah penganut agama Islam yang tulen tetapi cara saudara menulis tidak langsung mencerminkan keperibadian seperti orang Islam yang baik.

Kalau saudara tidak boleh berbahas atau berfikir dengan cara yang baik jangan menuduh seorang pemimpin yang tersohor yang masih mempunyai daya pemikirannya yang tajam (diakui sendiri oleh Tok Guru jika anda seorang ahli Pas) di sebalik usia beliau yang sudah lanjut sebagai nyanyuk dan sebagainya.

Adalah mudah menyuruh orang lain mengambil hidayah supaya bertaubat dan berubah sebelum sampai masanya (apabila saudara tidak tahu berbahas dengan baik) sedangkan saudara sendiri tidak tahu nasib saudara di akhirat nanti. Umur saudara mungkin muda tetapi mungkin saudara yang jalan dulu. Semuanya kuasa Allah dan Allah jua yang menentukannya.

Sekurang-kurangnya Tun sudah banyak berjasa untuk bangsa, agama dan negara walau macam mana sekali pun saudara benci kepada Tun.

Apalah kita ni saudara jika dibandingkan dengan Tun?

Saya juga benci terhadap mereka yang taksub terhadap pemimpin pembangkang (termasuk pemimpin pembangkang yang bermain politik dan sanggup menggadai bangsa, agama dan negara demi kepentingan diri sendiri) dan tidak tahu membezakan antara betul dan batil.

Tetapi ini tidak akan sekali-kali menjadikan saya seperti saudara yang terlalu taksub dengan politik, mahupun untuk memiliki sifat berdendam, hilang daya berfikir secara waras dan membelakangkan keluhuran undang-undang di negara ini. Takbirrrrrr... Allahhuakbar...

#

readman's Gravatar readman  
May 29, 2012 at 6:41 pm | Permalink

Salam Tun,

lalok ler, kau nak Tun buat Dosa Besar?

Al Quran 67:2

Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun;

lalok ler, kamu ler yang kena banyak taubat, mangabaikan nyawa, melalaikan kewajiban menjaga nyawa, itu dosar besar.

Suruh Tun sahut panggilan kubur, itu Dosa Besar.

Selagi boleh Hidup, Hidup,  
Hidup Perintah Allah s.w.t.  
Tak kisah Tua bangka mana.  
Allah s.w.t suruh hidup.

lalok ler suka sangat nak mati? Nak langgar Perintah Allah s.w.t?

#

nazrimalik's Gravatar nazrimalik  
May 29, 2012 at 5:36 pm | Permalink

Saya pun risau juga Tun.... Harap-harap negara kita dilindungi daripada bencana dan kacau bilau.

#

lalok ler's Gravatar lalok ler  
May 29, 2012 at 12:15 pm | Permalink

Tun... melihat apa yg Tun nyatakan tidak menggambarkan Tun adalah bekas PM Msia.. apa yg diperkatakan adalah seperti seorang tua yg dah nyayok, melalut entah tau atau tidak apa yg digomelkan... sudah sudah ler Tun.. bawak ler bertaubat.. udah lama dah.. udah tua dah.. rumah kata pergi, kubur kata mari.. saya mendoakan agar Tun mendapat hidayah untuk bertaubat dan berubah sebelum sampai masa nyer, walaupun saya menag benci akan sikap Tun selama ini.. Takbirrrrrr... Allahhuakbar...

#

MiddleAges's Gravatar MiddleAges  
May 29, 2012 at 10:28 am | Permalink

Salam Tun,

1. I wish to report a very suspicious scheme being canvassed under the name of Barisan Nasional or BN.
2. The scheme i was offered is a VVIP membership scheme. Fee is RM 3,800/-. Member privileges include car stickers and logos,card, papers etc bearing the title "VVIP". I was told this will persuade the police give special treatment to these "VVIPs" as they carry the BN logo and colour.
3. Though i am against BN formula for governance and hence anti-BN, i think such schemes must be the effort of some unscrupulous group wanting to make quick money from the gullible Malaysians, most of whom were victims of some sort of discrimination. Kalau ya pun nak cari duit, carilah dengan idea yang membangun, idea macam ini bukan sahaja membawa nama busuk kepada BN, saya yang tak setuju dengan BN pun menyampah dengar skim cepat kaya seperti ini.
4. Nasib baik saya tidaklah bodoh sangat, mak bapak saya suruh saya pergi sekolah kecik2 dulu, jadi saya tidak lah termakan racun. Saya rasa bukan lah BN yang ajukan skim seperti tersebut, takkan lah BN sebodoh itu, tetapi bayangkan jika pembangkang atau pihak lain dapat berita seperti ini ? Habis BN di kerjakan. Kalau ikut hati saya buat bodoh sahaja, malas nak ceritakan, tapi saya ingin lihat BN kalah secara terhormat, bukan dengan taktik kotor seperti ini.

5. Saya harap pihak2 yang berkeupayaan dapat mengambil langkah2 yang bijak melindungi orang2 awam yang mungkin terjerat dengan skim seperti ini. Ramai orang suka beli power. Dan mereka banyak duit pulak tu. Terpulanglah kepada pihak yang lebih bijak mencari ubat racun ini.

Sekian, Terima Kasih Tun.

#

Khairul-Dean's Gravatar Khairul-Dean

May 29, 2012 at 4:13 am | Permalink

if only one has the gift of the story tellers  
one would tell the tale of the wisest of men  
is but a fool in the eyes of his lord

- lithum batteries and recycleability  
silver batteries on the other hand -

apa rahsia kebahagiaan ditahun 2020, Tun?

#

mubarakchan's Gravatar mubarakchan

May 28, 2012 at 11:46 pm | Permalink

Tun

The forthcoming 13th General Elections will not only be the battleground for the haves (those incumbents in power) and the have-nots but had been gathering momentum since March 2008.

We have been through so many General Elections but the present run-up to the next General Elections take the cake. The present political exercises to take the high ground gather with greater urgency and momentum as desperate ideas and measures are meted out both by the defence and offense.

For the incumbents, the historical and cultural conventions hold sway over their detractors who could only create mischief in this season of mischief. The mischief makers suggest the 'pie in the sky' type of ambition to the ignorant and unwary citizen, and to their own leaders.

Hopefully that this group of citizens are not the young and never will die type of character.

However, let us not forget that a very large group of Malaysian Chinese is silent and wish all these personal quarrels will just go away and leave them to do their daily work and earn for their families. There is no doubt that they are just as loyal to the Yang Di Pertuan Agong as anyone else.

It is to this group of responsible citizens with families that the incumbents will do well to serve. Business opportunities and the usual requisites of a civil society are all that they desire in a peaceful and stable environment which your successful 22 year Administration had provided.

This is a season for ultimate mischief from all sorts of very confident personalities – even the position of the Prime Minister has been offered around freely. In the other not so polite Blogs, I would have used the word 'clowns.'

I am of the opinion that a prospective Prime Minister should have the following 3 Noble Attributes :-

1. Commonsense.

This governs sovereignty, national interest and self-esteem. No street running, etc etc.

2. The Ability to Think out of the Box.

Smart fellows are now known to make a fool of themselves at the end of the day. In other words, top academics are not necessarily the best to be the Prime Minister. There are many real life examples around.

3. Compassion.

This can only be found out in practice. If the wrong fellow was chosen, sayonara folks !

Therefore, it is imperative for the Malaysian Chinese who are nobody's fools to think deep and think serious for their own personal interests that the motives of political leaders aspiring for power in Putrajaya could be divided into 2 halves –

(i) those who are already very rich for 3 generations and now want power to rule over us and

(ii) those who are well-ensconced and well-endowed enough to treat this very serious business of politics as a profession for 3 generations. (To be a doctor, a person has to study hard for 8 years.) Hopefully, they practise this as a noble profession.

Therefore, because of the high risks carried by those who seek power to rule over all of us Malaysians, the Malaysian Chinese especially should play it safe in their own and national interest, and self-esteem to vote for the strongest party of incumbents now in Putrajaya. Please remember no one will guarantee us anything but the best guarantee is to cast your precious vote for the BN and for yourself.

There is no free lunch for the Malaysian Chinese.

#

amin tan's Gravatar amin tan

May 28, 2012 at 11:09 pm | Permalink

Dear Tun,

